

Abdul Halim Hasan Dan Manhajnya Dalam *Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm*

Abdul Halim Hasan and his Methodological Approach in Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm

Nadzrah Ahmad¹, Ahmad Nabil Amir², Sohirin M. Solihin³

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
25 OKTOBER 2018	25 NOVEMBER 2018	10 JANUARI 2019

ABSTRAK

Abdul Halim Hasan (1901-1969) adalah seorang ulama tafsir yang berasal dari Binjai, Sumatera Utara, Indonesia. Karya tafsirnya menjangkau sempadan negara dan menemui pembacanya di alam Melayu terutama Malaysia. Nilai akademik tinggi yang terdapat dalam karyanya ini telah mengangkat beliau menjadi antara ahli tafsir yang terkemuka pada awal kurun kedua puluh. Kertas kajian ini akan mengetengahkan keperibadian penulis, iaitu Abdul Halim Hasan, dan kajian akademiknya dalam Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm. Fokus utama kajian ini ialah biografi penulis dan sumbangan metodologinya dalam bidang tafsir. Kaedah kajian mengambil kira analisis kandungan beserta kajian ethnografi terhadap pentafsir dan kitab tafsir beliau. Kajian ini mendapati kitab Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm mengadaptasikan kaedah penulisan tafsir moden dengan mengambil kira pendekatan reformis dalam bidang pentafsiran.

Kata Kunci: *Abdul Halim Hasan, Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm, biografi, metodologi*

ABSTRACT

Abdul Halim Hasan (1901-1969) was a Malay exegetical writer of Indonesian origin. His work on Quranic exegesis surpassed the borders and reach out to find its readers around the Malay regions especially Malaysia. The academic value of this particular piece of work is undeniably outstanding as an early twentieth century exegetical writing. This paper intends to highlight the figure responsible for this work, Abdul Halim Hasan, and his academic measures in Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm. Special focus is towards the writer's biography and his methodological contribution in Qur'anic commentary. The method utilized in this study is based on content analysis and ethnographical study of both the exegetes and his book of exegesis. The study found that the tafsīr is inclined towards modern exegetical orientation with thorough adoption of reformist style and method of Qur'anic commentary.

Keywords: *Abdul Halim Hasan, Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm, biography, methodology*

¹ Assistant Professor, Department of Qur'an and Sunnah, Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, International Islamic University Malaysia, P.O. Box 10, 50728 Kuala Lumpur.

² Head of Abduh Reseach Unit, Islamic Renaissance Front, Level 8, Pavilion KL, 168 Jalan Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Malaysia.

³ Associate Professor, Department of Qur'an and Sunnah, Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, International Islamic University Malaysia, P.O. Box 10, 50728 Kuala Lumpur.

Pendahuluan

Kurun kedua puluh menyaksikan kelahiran pelbagai karya oleh ulama Melayu. Karya mereka menzahirkan semangat kesatuan Islam di bawah satu akidah yang suci bersama pembaharuan fahaman tentang praktikal dan akhlak Islam. Salah satu daripadanya ialah kitab *Tafsir al-Qur'ān al-Karīm* tulisan Abdul Halim Hasan, serta penulis bersama iaitu Zainal Arifin Abbas (1912-1979) dan Abdul Rahim Haitami (1910-1948). Kitab tafsir yang dihasilkan pada pengakhiran zaman kolonial Belanda di Indonesia ini membawa semangat Reformis yang dinyalakan oleh Jamaluddin al-Afghani dan didukung oleh pengikutnya Muhammad Abduh dan Rashid Rida. Bersama Abduh dan Rida menulis kitab tafsir unggul al-Manar yang menjadi bahan rujukan utama tafsir reformis moden di Kepulauan Melayu pada kurun ke-19 hingga kini.

Tafsir al-Qur'ān al-Karīm mula ditulis pada 1937 di Madrasah Arabiyah Masjid Raya, Binjai, Sumatera Utara, Indonesia. Kerja-kerja penulisan digalas oleh tiga ulama terkenal Indonesia iaitu Abdul Halim Hassan, Zainal Arifin Abbas dan Abdul Rahim Haitami. Abdul Halim dikatakan merupakan guru kepada Zainal Arifin Abbas dan Abdul Rahim Haitami. Beliau membaca dan memperbetul draf penulisan kedua muridnya dalam penghasilan kitab tafsir tersebut. Abdul Halim Hasan yang juga merupakan pengetua Madrasah Arabiyah Binjai memulakan idea penulisan yang diikuti muridnya iaitu Zainal Arifin Abbas dan Abdul Rahim Haitami yang keduanya ini kemudian menjadi tenaga pengajar di Madrasah yang sama (Majelis Ulama Sumatera Utara, 1983).

Metodologi

Metodologi kajian ini adalah menggunakan pendekatan kualitatif. Reka bentuk yang dipilih adalah berbentuk kajian analisis kandungan dengan menggunakan kaedah kajian perpustakaan. Umumnya, metodologi penulisan *Tafsir al-Qur'ān al-Karīm* dinilai dan dianalisa melalui kitab tafsir tersebut yang ditulis oleh Abdul Halim Hasan dan rakan-rakannya. Data dikumpul daripada buku, jurnal, kertas kerja, artikel persidangan dan sebagainya. Data yang dikumpul dianalisis secara deskriptif dan komparatif (perbandingan).

Kajian Latarbelakang

Kajian literatur bagi tajuk yang serupa tidak menghasilkan penulisan seumpamanya. Penulisan yang memfokus kearah tajuk ini dapat dilihat dalam penulisan Abdul Qadir Umar Uthman al-Hamidy yang mana beliau menggariskan secara detail kajian ke atas metode pentafsir dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Qur'ān. Namun jelas sekali isu yang dibangkitkan dalam tafsir tersebut tidak diberi penekanan (Al-Hamidy, 2006). Mustafa Abdullah yang juga mengkaji tentang tafsir ini menekankan kesan ideologi pembaharuan Muhammad Rashid Rida dalam setiap perbahasan tafsiran ayat. Namun tiada kajian ke atas isu-isu akidah dilakukan (Mustafa Abdullah, 2009). Mazlan Ibrahim juga menyorot kewujudan tafsir ini dalam tulisan beliau yang mengetengahkan barisan tafsir-tafsir Melayu moden. Dalam tulisannya beliau memberi pengenalan terhadap *Tafsir al-Qur'ān al-Karīm* dari sudut kaedah penulisan tafsir secara ringkas dan padat tanpa menyentuh isu-isu yang kedapatan di dalam tafsir tersebut (Mazlan Ibrahim *et al.*, 2009). Kajian lain seperti Muhammad Nur Lubis (2002), buku oleh Majelis Ulama Sumatera (1983), penulisan Howard M. Federspiel (1994)

mensasar kearah memberi maklumat ringkas dan padat berkenaan Abdul Halim Hasan dan rakan-rakannya, latar belakang pentafsir, dan ringkasan sejarah penulisan kitab tafsir tersebut.

Analisa dan Diskusi

1.0 Biografi Abdul Halim Hasan

Nama penuh beliau ialah Haji Abdul Halim Hasan. Putera kepada Haji Hasan ini telah dilahirkan pada 15 Mei 1901 di Binjai. Haji Hasan, merupakan bangsa *Dawlay* (دولاي), iaitu nenek moyang daripada suku Manaming di Mandailing. Ia adalah sebuah daerah yang terletak di barat selatan Utara Sumatera, berdekatan sempadan Barat Sumatera yang kini dikenali sebagai Dewan Pimpinan Mandailing Natal dengan ibu negerinya Madina. Ayahnya juga merupakan seorang petani yang alim dan mula menghantar Abdul Halim mempelajari ilmu-ilmu tentang Islam sejak kecil lagi (Majelis Ulama' Sumatera Utara 1983).

1.1 Latar Pendidikan

Pada tahun 1908, ketika usia Abdul Halim tujuh tahun, beliau memulakan pengajian dengan menuntut ilmu daripada beberapa orang guru agama di Binjai. Antaranya ialah:

1. Faqih Saidi Haris - Ulama Binjai
2. Haji Abdullah Umar - Ulama dan Qadi di Binjai
3. Haji Muhammad Nur Ismail - Ulama dan Qadi di Binjai
4. Syeikh Haji Muhammad Samah - Pemimpin Tariqat atau Sufi di Binjai
5. Haji Abdul Karim Amrullah - mengikuti pengajian antara tahun 1917-1950
6. Syeikh Mukhtar Attarid – mengikuti pengajian pada tahun 1926 ketika Abdul Halim berada di Mekah untuk mengerjakan Haji
7. Syeikh Hasan Ma'sum (1837-1884) di Medan. Imam Besar Kerajaan Deli pada ketika itu.
8. Jamaluddin Adinegoro – mengikuti pengajian tentang Jurnalistik dan Politik pada tahun 1930 di Medan
9. Muhammad Ridwan – merupakan seorang pesara Lembaga Informasi di Dewan Pimpinan Langkat, pada tahun 1930. Mengikuti pengajian bahasa Inggeris daripada beliau (Majelis Ulama' Sumatera Utara 1983).

1.2 Murid-Murid Abdul Halim Hasan

Murid-murid Abdul Halim bertebaran ke seluruh pelusuk Indonesia dan Malaysia. Ramai dalam kalangan anak didiknya menjadi tokoh penting dalam dunia pekerjaan dan sosial. Antaranya termasuklah:

1. Zainal Arifin Abbas, salah seorang daripada murid Abdul Halim dan kemudian menjadi rakannya di Madrasah Arabiyah, Binjai.
2. Amru Daulay, Dekan Fakulti Undang-Undang Universiti Sumatera Utara, Mantan Ketua Dewan Pimpinan Mandaling Natal sekarang.
3. Haji Ahmad al-Din, guru di Fakulti Syariah, Universiti Islam Sumatera Utara, Medan.
4. Abdul Karim Yusuf, Ketua Koordinasi dan Kawalan Kementerian Hal Ehwal Agama Sumatera Utara.
5. Dzul Helmy, Ketua Komunikasi Binjai.

6. Zainal Abidin Nurdin, Ahli Dewan Perwakilan, Jabatan Langkat.
7. Bakhtiar Hasan, Pemeriksa Media Agama, Dewan Pimpinan Langkat.
8. A. Malik Ahmad, Presiden Kabinet Sosial, Dewan Pimpinan Langkat.
9. H. Halimah binti H. M. Nur, guru di Sekolah Tadika Islam, Kuala Lumpur
10. M. Ahmad Syah bin H. Abd. Jabbar, Qadi Johor, Malaysia (Majelis Ulama' Sumatera Utara 1983).

1.3 Hasil karya Abdul Halim

Dalam kariernya sebagai pengarang, Abdul Halim telah menghasilkan penulisan yang produktif dalam pelbagai bidang ilmu seperti tafsir, sejarah, fekah, bahasa, akidah, hukum, dan peradaban. Antara karyanya yang terkenal termasuklah:

1. Kitab *Tafsir al-Qur'an al-Karim*, yang ditulis bersama Zainal Arifin Abbas dan Abdul Rahim Haitami.
2. Bingkisan Adab dan Hikmah
3. Sejarah Fiqh
4. Wanita dan Islam
5. Hikmah Puasa
6. Lailatul Qadar
7. Cara Memandikan Mayat
8. Tarikh Tamadun Islam
9. Sejarah Literatur Islam
10. Sejarah Kejadian Syara'
11. Tarikh Abi Hasan Ash'ary
12. Poligami Dalam Islam
13. *Tafsir al-Ahkam*, diterbitkan pertama kali pada April 2006

1.4 Kewafatannya

Abdul Halim meninggal dunia pada hari Sabtu, 15 November tahun 1969, pada usia 68 tahun. Beliau dibawa ke Rumah Sakit PNP II Bangkatan Binjai setelah terjatuh ketika dalam perjalanan ke Masjid Muhammadiyah Binjai. Beliau dipercayai diserang penyakit darah tinggi yang membawa kepada pendarahan otak dan strok sehingga ditahan selama 24 jam di hospital. Pengebumiannya dihadiri oleh ribuan umat dan dimakamkan pada 16 November 1969, di tanah perkuburan Kampung Limau Sundai (Majelis Ulama' Sumatera Utara 1983).

2.0 Biografi Zainal Arifin Abbas

Zainal Arifin Abbas merupakan anak kepada Haji Muhammad Abbas dan Rajiah binti Abdullah Lubis. Beliau dilahirkan pada tanggal 15 Mac 1911 di Kampung Lalang, Serbanyaman, Deli Hilir, Sumatera Timur, yang kini dikenali sebagai Desa Lalang Kecamatan Sunggal Kabupaten Deli Serdang, Sumatera Utara (Mhd. Asaad Zainal Arifin Abbas, 2011).

2.1 Pendidikan Zainal Arifin

Pada 1919, ketika berusia tujuh tahun, beliau memulakan pelajarannya di Binjai Methodist Boy School namun untuk setahun sebelum dipindahkan ke Anglo Chinese School Medan. Pada tahun 1922, ketika beliau berada pada tahun empat di Anglo Chinese School Medan, bapanya diburu Belanda akibat dari penglibatannya dengan mogok Deli *Spoorweg Mastschappij*. Akibatnya bapanya dibuang kerja dan beliau sendiri diberhentikan sekolah. Atas bantuan datuknya – Lebai Adam – beliau memulakan persekolahan di Madrasah al-Ibtida'iyah al-'Arabiyyah yang dikepalai oleh Kiyai Abdul Karim Yamin dan Abdul Halim Hasan. Setelah mendapat ijazah *Ibtida'iyah*, beliau menjawat jawatan guru di sekolah kelolaan Mahkamah Shari'ah Binjai pada 16 Jun 1927. Beliau menjadi guru bantu mengajar di Madrasah Ibtidai'iyah al-'Arabiyyah (Mhd. Asaad Zainal Arifin Abbas, 2011).

2.2 Aktiviti Akademik

Zainal Arifin mula menulis pada tahun 1932 sehingga 1936 di beberapa akhbar dan majalah berbeza antaranya *Sinar Deli Medan*, *Pedoman Masyarakat* (Medan), *Dewan Islam* (Medan), *Aliran Islam* (Bandung) dan *Pedoman Islam* (Medan). Pada Mac 1936 sehingga Mac 1942, beliau mula menulis sejarah Nabi Muhammad s.a.w. sebanyak 12 jilid namun tidak dapat diselesaikan penerbitannya akibat rampasan penguatkuasa Belanda yang mengharamkan penerbitan dan penyebaran buku agama ketika *Agresi I* di Binjai. Dari November 1938 sehingga November 1939, Zainal Arifin mengedit *Tarich Tasyri' Islami* oleh M. Chuddlory Bey dan diterbitkan oleh Toko Buku Mohd. Ali bin Muhammad al-Rawiy, Penang, Malaya dalam 500 mukasurat. Pada awal Mac 1937 sehingga 12 Mac, 1942 ketika permulaan tawana Jepun ke atas Indonesia, Zainal Arifin bersama Abdul Halim Hasan dan Abdul Rahim Haitami memulakan kerja-kerja pembukuan *Tafsir al-Qur'an al-Karim* sehingga iainya mencapai enam juzuk setengah daripada al-Qur'an dan menjangkau sehingga 2,140 mukasurat (Mhd. Asaad Zainal Arifin Abbas, 2011).

2.3 Akidah, Doktrin dan Kewafatannya

Zainal Arifin berpegang pada akidah *ahl al-sunnah wa al-Jama'ah* dan juga mazhab Shāfi'. Beliau meninggal dunia pada 16 September 1979 di usia 68 dan dikebumikan di Jalan Batu Ginting, Medan Sumatera (al-Hamidy, 2006).

3.0 Biografi Abdul Rahim Haitami

Abdul Rahim Haitami dilahirkan pada tahun 1910 di Kebun Lada, Binjai. Bapanya Haitami merupakan seorang cendekiawan Islam Binjai (Dewan Harian Cabang Angkatan 45, 1945).

3.1 Pendidikan Abdul Rahim Haitami

Pada tahun 1917, ketika beliau berusia tujuh tahun, beliau memulakan persekolahannya di Sekolah Rendah Binjai dan belajar sari beberapa orang guru agama yang terkenal antaranya Fakih Saidi, Haji Abdullah Umar, Sheikh Haji Muhammad Nur Ismail, Sheikh Haji Muhammad Samah, Kiyai Haji Abdul Karim Tamin, Sheikh Haji Hasan Ma'sūm.

Selain dari matapelajarnya agama seperti *tafsir*, *hadith*, sejarah dan *fiqh*, Abdul Rahim Haitami juga mempelajari subjek kewartawanan dan politik daripada Jamaluddin Adinegoro

pada tahun 1930 di Medan, dan subjek Bahasa Inggeris daripada Muhammad Ridwan dalam tahun 1930 di Binjai (Dewan Harian Cabang Angkatan 45, 1945).

Pada tahun 1922, beliau mula bersekolah di Madrasah Ibtida'iyah bersama Zainal Arifin Abbas dan Bustami Ibrahim. Di sini, beliau mempelajari ilmu-ilmu seperti *nahū*, *balāghah*, *tafsīr*, *ḥadīth*, *taṣawwuf* dan *tārīkh*. Abdul Rahim kemudiannya menjawat jawatan sebagai guru di Madrasah Ibtida'iyah ketika beliau telah menyambung pelajarannya di Madrasah al-Khairiyyah al-Thana'wiyyah (al-Hamidy, 2006).

3.2 Aktiviti Akademik

Abdul Rahim dilantik menjadi guru bantu mengajar di Madrasah 'Arabiyyah di bawah pengetua Abdul Halim Hasan. Kemudiannya beliau menjadi guru penuh pada tahun 1930 bersama Zainal Arifin Abbas. Beliau juga dilantik sebagai Ketua Madrasah 'Arabiyyah Kebun Lada, Binjai (al-Hamidy, 2006).

3.3 Akidah, Doktrin dan Kewafatannya

Abdul Rahim memegang pendapat *ahl al-sunnah wa al-Jama'ah* dari segi pendekatan akidah. Manakal dalam hal ehwal *fiqh*, beliau tidak terikat dengan suatu mazhab seperti yang dilakukan Abdul Halim Hasan. Mereka bergantung kepada Majlis Tarjih Muhammadiyah yang mana keduanya merupa ahli dalam majlis tersebut. Beliau meniggal dunia pada 13 July 1948 di Langsa dan dikebumikan di sana (al-Hamidy, 2006).

4.0 Pengenalan Kitab *Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm*

Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm pertama kali ditulis pada tahun 1937. Ia ditulis di Madrasah 'Arabiyyah, yang terletak di halaman Masjid Raya, Binjai, Sumatera Utara, Indonesia (Majelis Ulama' Sumatera Utara 1983). Penulisan ini disempurnakan oleh Abdul Halim Hasan, Zainal Arifin Abbas, dan Abdul Rahim Haitami. Abdul Halim merupakan guru kepada Zainal Arifin Abbas dan Abdul Rahim Haitami. Beliau telah menyemak draf akhir lembaran tafsir tersebut serta membuat catatan dan pembetulan (Abdul Halim Hasan 1969).

Penerbitan pertama dilakukan di Sumatera Utara oleh Toko Buku Islamiyah pada February 1937 (Muhammad Nur Lubis, 2002). Ianya kemudiannya diterbitkan semula di Malaysia (1955) dan Brunei. Naskhah *tafsir* ini juga wujud di beberapa perpustakaan university terkemuka dunia seperti di Universiti Cornell, USA dan Universiti Leiden, Netherlands yang masing-masingnya di bawah judul '*Tafsir al-Qur-anul Karim*' (Cornell) dan '*Tafsir Al Qurānoelkarim*'(Leiden). Berikut merupakan naskhah terbitan untuk *tafsir* tersebut di Indonesia, Malaysia dan Brunei (Nadzrah, 2014).

4.0.1 '*Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm*' – Indonesian Edition

Di Indonesia, *tafsir* ini telah di cetak sebanyak lima kali (Zainal Arifin Abbas, 1969).

Cetakan Pertama.....	1936
Cetakan Kedua.....	1938
Cetakan Ketiga.....	1952
Cetakan Keempat.....	1957
Cetakan Kelima.....	1961

4.0.2 ‘*Tafsīr al-Qur’ān al-Karīm*’ – Malaysian and Brunei Edition

Tafsir ini terdiri daripada 30 jilid dengan tulisan Jawi. Cetakan pertama bermula dari jilid yang ketiga puluh namun bermula dengan Surah al-Baqarah dan seterusnya. Cetakan in pertama kalinya diterbitkan pada 30 Zulq`edah 1374H bersamaan 20 July 1955. Setiap jilid diterbitkan pada setiap bulan berturutan pada setiap 30 haribulan. Harga jualan adalah pada RM1 untuk setiap jilid dan RM16 untuk keseluruhan tiga puluh jilid. Setiap jilid mengandungi 60-65 mukasurat beserta tafsiran 20-30 ayat al-Qur’ān. Cetakan ini diterbitkan oleh Persama Press, Achen Street, Pulau Pinang di bawah pembiayaan Sultan Abu Bakar Ri’ayatuddin, Sultan Negeri Pahang Darul Makmur.

Pustaka Antara Kuala Lumpur kemudiannya menerbitkan cetakan kedua pada tahun 1969. Dicitak oleh Salai Press, Petaling Jaya, Selangor, cetakan ini memperlihatkan kualiti cetakan yang lebih baik dalam tulisan Roman.

Pada hari ini, *tafsir* ini tidak lagi dicetak di ketiga negara ini. Namun, naskhahnya wujud di beberapa perpustakaan seperti Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Perpustakaan Zaaba, Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Institut Agama Islam Negeri di Indonesia (IAIN) dan naskhah-naskhah peribadi (Nadzrah, 2014).

4.1 Metodologi Penulisan Kitab *Tafsīr al-Qur’ān al-Karīm*

4.1.1 Pengemukaan Bab Pengenalan

Intipati utama daripada *Tafsīr al-Qur’ān al-Karīm* dinyatakan di permulaan tafsir. Bab pertama, iaitu bab pengenalan dimulakan dengan sejarah bagaimana al-Qur’ān menerangkan pemahaman sejarah tentang ayat Ilahi dan latar belakangnya kepada pembaca. Topik yang dibincangkan ialah sejarah dan cara penurunan wahyu, proses pengumpulannya, surah-surah *Makkiyah* dan *Madaniyah*, penulisan al-Qur’ān, ilmu pengetahuan yang imperatif sebagai prasyarat dalam pentafsiran al-Qur’ān dan lain-lain. Ini dapat membantu pembaca memahami dengan baik mengenai asal usul wahyu dan ayat-ayat al-Qur’ān juga kesuciannya sepanjang zaman.

Federspiel dalam tulisannya *Popular Indonesian Literature of the Quran* berpendapat, Abdul Halim Hasan telah memanfaatkan sepenuhnya bahagian ini di mana bab pengenalan yang ekstensif digariskan dengan teliti dan diutarakan ke dalam bahagian-bahagian lain dalam kajian (Howard M. Federspiel 1994). Pengenalan yang ringkas namun komprehensif ini berfungsi sebagai persediaan kepada pembaca bagi memahami latar belakang al-Qur’ān sebelum memahami kandungan dan membuat analisis tentang interpretasinya.

4.1.2 Menjelaskan Ringkasan Sesuatu Surah

Federspiel dalam analisisnya mengenai generasi ketiga dalam penulisan tafsir di Indonesia mencerakinkan beberapa ciri tertentu yang ditemui pada era penulisan tafsir kepada tiga ulama Indonesia, iaitu Hamka, Shiddieqy, dan Abdul Halim Hasan. Beliau berpendapat, selain daripada penekanan kepada isi kandungan pengenalan, tafsir-tafsir ini juga memberi penekanan kepada rumusan surah atau ditulis sebagai ikhtisar (Howard M. Federspiel 1994). Ikhtisar ini biasanya terletak pada permulaan surah sebelum teks pembukaan ayat dalam

surah tertentu. Ia menggariskan tema, hukum dan isi-isi penting yang terdapat dalam surah tersebut (Howard M. Federspiel 1994). Objektif ikhtisar ini adalah untuk mengetengahkan idea-idea penting daripada surah dan intisari kandungannya kepada pembaca.

4.1.3 Penggabungan Manhaj Analitik dan Tematik

Sebagai sebuah karya tafsir moden, *Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm* memperlihatkan gabungan antara dua manhaj iaitu manhaj analitik dan tematik. Secara umum, tafsiran dibuat secara analitik dan apabila perbincangan yang khusus tentang sesuatu isi penting telah disentuh, tema tersebut diangkat dan dibincangkan dengan lebih lanjut menggunakan pendekatan topikal. Kebiasaannya, manhaj tematik mencakupi hal yang berkaitan dengan sejarah, syariah, dan permasalahan sosial.

4.1.4 Meniupkan Ruh Pembaharuan dan Modernisme Islam

Sebagai murid yang seterusnya menjadi sahabat Abdul Karim Amrullah, Abdul Halim Hasan banyak memperjuangkan idea-idea pembaharuan dan pemodenan Islam yang diusahakan oleh gurunya. Bahkan, karyanya merujuk secara konsisten terhadap tafsir-tafsir reformis seperti *al-Manār*, *al-Jawāhir*, *al-Marāghī* dan lain-lain. Kaedah beliau dalam perbincangan isu-isu jelas memperlihatkan kaedah pendekatan modernis dalam menangani sesuatu permasalahan.

4.1.5 Sumber Rujukan Penulisan *Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm*

Sumber-sumber utama tafsir terdiri daripada rujukan tafsir tradisional dan moden dengan pelbagai pendekatan dan manhaj yang dizahirkan, sama ada perbahasan tentang bahasa, falsafah, sains dan hukum al-Qur'ān. Berikut adalah antara sumber-sumber yang dirujuk dalam tafsir ini:

1. *Tafsīr al-Qur'ān al-Ḥakīm al-Shahīr bi Tafsīr al-Manār* oleh Muḥammad Rashīd Riḍā dan Muḥammad 'Abduh
2. *Tafsīr al-Jawāhir* oleh Ṭantāwī Jawhārī
3. *Tafsīr Jamī' al-Bayān* oleh al-Ṭabarī
4. *Tafsīr Gharā'ib al-Qur'ān wa Raghā'ib al-Furqān* oleh al-Naysābūrī
5. *Tafsīr Ma'ālim al-Tanzīl* oleh al-Baghawī
6. *Tafsīr Mafātih al-Ghayb* oleh al-Rāzī
7. *Tafsīr Lubāb al-Ta'wīl* oleh al-Khāzin
8. *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm* oleh Ibn Kathīr
9. *Tafsīr Anwār al-Tanzīl* oleh Naṣīr al-Dīn al-Bayḍāwī
10. *Tafsīr al-Jalālayn* oleh al-Maḥallī dan al-Suyūṭī
11. *Tafsīr Tanwīr al-Miqbās* oleh Abū Ṭāhir bin Ya'qūb al-Fayruzābādī al-Shāfi'ī
12. *Tafsīr Irsyād al-'Aql al-Salīm* oleh Abū Su'ūd Muḥammad al-'Umarī
13. *Tafsīr Faṭḥ al-Qadīr* oleh al-Shawkānī
14. *Tafsīr al-Futūḥāt al-Ilāhiyah* oleh Sulaymān al-Jamal
15. *Al-Muḥaf al-Mufasssir* oleh Muḥammad Farīd Wajdī
16. *Lubāb al-Nuqūl fī Asbāb al-Nuzūl* oleh al-Suyūṭī
17. *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* oleh al-Ghazālī
18. *Sīrah Ibn Hishām*
19. *Nayl al-Awtār* oleh al-Shawkānī
20. Kitab hadith yang enam (Kutub al-Ḥadīth al-Sittah)

5.0 Metodologi Pentafsiran Kitab *Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm*

5.1 Menerangkan Istilah yang Sukar.

Abdul Halim memberikan perhatian khusus dalam menghuraikan istilah-istilah yang sukar dalam tafsirannya. Beliau menjawab dengan tuntas maksud ayat dan ungkapan dengan memberi penjelasan yang jelas agar pembaca dapat memahami ayat dengan baik. Contohnya pada ayat kedua dalam Surah al-Baqarah:

Maksudnya: “Kitab ini, tiada keraguan padanya, adalah petunjuk bagi mereka yang bertakwa (daripada kejahatan)” (Al-Baqarah, 2:2)

Dalam ayat ini, Abdul Halim telah menterjemahkan perkataan ‘*taqwa*’ yang berasal daripada perkataan ‘*al-muttaqīn*’. Beliau menjelaskan bahawa perkataan ‘*taqwa*’ bermaksud ‘takut’, iaitu takut kepada pembalasan Allah dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan semua larangan-Nya (Abdul Halim Hasan *et al* 1952).

5.2 Ikhtisar Surah

Dalam *Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm*, kandungan setiap surah dibincangkan dengan panjang lebar dan terperinci di permulaan surah, iaitu mukadimah setiap surah. Diskusinya ditulis dengan jitu dan padat. Sebagai contoh, keseluruhan surah al-Baqarah dirumuskan dalam satu perbincangan pendek. Abdul Halim dan rakan-rakannya membahaskan bahagian ini dengan baik, di mana mereka menyiapkannya dengan maklumat terperinci dan mencerakinkan mengikut tajuk. Surah al-Baqarah memuatkan perbincangan seperti nama dan pengertiannya, tempat penurunan dan rumusan isi, dakwah umum kepada agama, perintah dan kewajipan, nasihat kepada umat Islam, kaedah-kaedah umum *Shariah*, pembahagian surah, penjelasan tentang pembahagian (juzuk) ini dan tujuannya (Abdul Halim Hasan *et al.* 1952).

5.3 Hubungan antara Ayat

Perbincangan tentang perkaitan antara ayat selalunya akan dibincangkan setelah pentafsiran ayat. Ketika membincangkan tentang perkaitan (*tanāsubat*) ayat, ketiga-tiga pentafsir ini kebiasaannya akan mengemukakan pertanyaan: “Adakah terdapat hubungan antara ayat ini dengan ayat sebelumnya?”. Dalam menjelaskan tentang ayat 102 surah al-Baqarah, Abdul Halim dan rakan-rakannya menghubungkan ayat ini dengan dua ayat sebelumnya.

Maksudnya: “Dan mereka ikut apa yang diceritakan oleh syaitan-syaitan tentang Kerajaan Sulaiman, padahal Sulaiman tidaklah kafir, akan tetapi syaitan-syaitan itulah yang kafir. Mereka ajarkan sihir kepada manusia, dan apa yang diturunkan kepada kedua Malaikat di negeri Babil, Harut dan Marut. Padahal mereka berdua tidak mengajarkan seseorang melainkan sesudah keduanya berkata: Kami tidak lain hanyalah suatu percubaan, maka janganlah kamu kafir! Tetapi mereka pelajari dari keduanya apa yang menceraikan di antara seseorang dengan isterinya. Dan tidaklah mereka dapat membahayakan seseorang dengan sihir itu, melainkan dengan izin Allah. Dan mereka pelajari apa yang memberi mudarat kepada mereka dan tidak memberi manfaat kepada mereka. Dan sesungguhnya mereka pun telah mengetahui bahwa orang yang memilih ilmu sihir itu tidaklah lagi mendapat bahagian di akhirat. Dan amatlah buruk apa yang mereka pilih untuk diri mereka, jikalau mereka mengetahui” (Al-Baqarah 2: 102) (Hamka 1982).

Ayat ini dihubungkan dengan ayat 100-101 dari surah yang sama: “Dan apakah setiap kali mereka membuat perjanjian setia, dilenyapkan (saja) oleh segolongan daripada mereka? Bahkan kebanyakan dalam kalangan mereka tidaklah beriman. Dan tatkala telah datang kepada mereka seorang Rasul dari sisi Allah, menyetujui apa yang ada pada mereka, sebahagian daripada orang-orang yang telah diberikan kitab itu melemparkan Kitab Allah ke belakang mereka, seolah-olah mereka tidak mengetahui (kebenarannya)” (Al-Baqarah 2: 100-101).

5.4 Nasakh dalam Tafsir al-Qur’ān al-Karīm

Perbincangan tentang ayat-ayat yang dihapuskan telah dibincangkan oleh pentafsir dan menunjukkan mereka menyokong idea tentang pemansuhan dalam al-Qur’ān. Pertamanya, mereka menerangkan hikmah di sebalik hukum *nasakh* seperti ayat dalam Surah al-Baqarah:

Maksudnya: “Setiap kali Kami menghapuskan suatu ayat atau melupakannya, Kami datangkan sesuatu yang lebih baik daripadanya atau yang setanding dengannya. Tidakkah kamu ketahui bahawa Allah berkuasa atas tiap-tiap sesuatu?” (Al-Baqarah 2:106).

Mereka menulis: “*Nāsikh* dan *mansūkh* yang banyak ditemui dalam al-Qur’ān menjadi dalil keunggulan Islam yang seterusnya menjadi bukti tentang al-Qur’ān sebagaimana diturunkan oleh Allah s.w.t. Janganlah kamu menganggap *nāsikh* dan *mansūkh* sebagai kekurangan dan aib kepada Kitab Allah bahkan ia adalah suatu keperluan dan memberi banyak faedah kepada mereka yang baru menerima ajaran Islam” (Abdul Halim Hasan *et al.* 1952).

Menurut Abdul Halim dan rakan-rakannya dalam perbincangan tentang subjek ini, mereka memberikan tajuk yang jelas iaitu “*Darihal nasikh dan mansukh*” yang bermaksud penelitian berkaitan hukum *nasikh* dan *mansukh*. Perbincangan ini dimulakan dengan maksud *nasakh*: *Nasakh* dalam bahasa Arab mengandungi banyak maksud seperti penghapusan, perubahan atau penghilangan. Jadi, maksud *nasakh* dalam ayat adalah untuk menggantikan hukum yang sedia ada dengan hukum yang lain seperti ayat ketiga dalam surah al-Nur: “Lelaki yang berzina tidak akan berkahwin melainkan dengan perempuan yang berzina atau perempuan musyrik; dan perempuan yang berzina tidak akan berkahwin dengannya melainkan oleh lelaki yang berzina atau lelaki musyrik, dan perkahwinan yang demikian itu diharamkan kepada orang-orang beriman” (Al-Nur, 24: 3) (Abdul Halim Hasan *et al.* 1952).

Ayat ini telah dihapuskan oleh ayat 32 dari surah Al-Nur, 24.

Maksudnya: “Dan (kamu harus) kahwinkan mereka yang masih bujang dalam kalanganmu serta hamba soleh lelaki dan perempuan yang sesuai (untuk berkahwin). Jika mereka (yang kamu berhasrat untuk kahwinkan) adalah miskin, (janganlah ini menghalangmu) Tuhan akan melimpahkan kepada mereka kecukupan dari kurnia-Nya kerana Tuhan tak terbatas (dalam rahmat-Nya), lagi Maha Mengetahui”(Al-Nur 24: 32)

Abdul Halim *et al.* (1952) menambah ayat pertama dipanggil *mansukh* kerana hukumnya telah dibatalkan dan ayat kedua dipanggil *nāsikh* kerana ia bertindak sebagai pembatal. Menurut Imam al-Suyuti dalam kitabnya *al-Itqan*, “*Nāsikh* dan *mansūkh* berlaku pada 21 tempat dalam al-Qur’ān (Abdul Halim Hasan *et al.* 1952). Oleh itu, mereka menyimpulkan bahawa hukum *nasakh* sebenarnya daripada Allah s.w.t dan bukan rekaan Nabi Muhammad s.a.w seperti yang didakwa oleh orang Yahudi. Secara ringkasnya, mereka

menunjukkan bahawa para ulama turut berselisih pendapat tentang berlakunya *nasakh* dalam al-Qur'ān. Sebahagian merumuskan bahawa al-Qur'ān seluruhnya bersifat *muḥkamāt*, manakala jumhur ulama kekal dengan *ijmā'* berlakunya *nasakh* terhadap ayat. Satu-satunya perselisihan dalam kalangan jumhur adalah terhadap lima ayat yang dihapuskan, manakala mereka sepakat tentang pembatalan 16 ayat yang lain.

5.5 Tafsir dengan Riwayat (*Naqli*) dan Argumentasi Akal (*Ra'y*)

Merumuskan diskusi tentang tafsir naqli, Abdul Halim dan rakan-rakan telah menggariskan manhaj yang tepat dalam penggunaan tafsir al-naqli. Mereka biasanya menulis riwayat daripada tafsir dengan menyebut perawi yang utama. Manakala, untuk hadis Nabi s.a.w, mereka akan menyertakan sekali isnad (*sanad*) hadis. Lazimnya, mereka merujuk kepada al-Ṭabarī, Ibn Ya'qūb al-Fayruzābādī dan Ibn Kathīr.

Analisis terhadap tafsir membuktikan implementasi manhaj al-'aqli oleh Abdul Halim dan rakan-rakannya adalah menepati syarat tafsir dengan akal. Ini bermaksud, tafsirnya mengikut manhaj yang sahih serta memenuhi kriteria dan prasyarat yang ditetapkan dalam tafsir al-Qur'ān. Mereka juga mengambil pandangan daripada tafsir lain dan tidak hanya bergantung kepada pendapat serta ijtihad mereka sahaja. Mereka menegaskan: “Adalah perlu kami nyatakan bahawa tafsir ini tidak berdasarkan kepada pendapat kami sahaja. Sebaliknya, kami mengumpulkannya daripada karya-karya tafsir yang muktabar, sumber-sumber lain dan kitab-kitab agama” (Abdul Halim Hasan *et al.* 1952). Mereka turut memetik daripada sumber yang lain bagi memperkukuhkan hujah-hujah tertentu serta membuat rujukan kepada sumber asalnya.

Pengambilan sumber-sumber ini hadir dalam pelbagai bentuk, sama ada secara langsung iaitu secara verbal dari sumber atau hanya intisari dari ideanya. Bagaimanapun, mereka lebih mempraktikkan cara verbal dalam kebanyakan kes. Dalam ulasan mereka, mereka mengetengahkan tafsiran naqli dan aqli secara bersama atau terpisah. Ketika mendiskusikan idea ini bersama, mereka akan mengemukakan tafsiran setiap pentafsir dan perbezaan pendapat antara mereka. Biasanya, mereka merujuk kepada pendapat 'Abduh dalam *al-Manār* dan al-Ṭanṭāwī dalam *al-Jawāhir fī Tafsīr al-Qur'ān* ketika mengupas isu dan ayat. Selain itu, mereka juga merujuk secara meluas kepada mufasir klasik seperti al-Rāzī, al-Shawkānī dan al-Baidāwī bergantung kepada topik dan keperluan tafsir.

Kesimpulannya, Abdul Halim dan rakan-rakannya telah memenuhi keperluan yang digariskan dalam membuat tafsiran berdasarkan riwayat (naratif) dan argumentasi aqliah (*ra'yī*) dalam tafsiran mereka. Tambahan lagi, pandangan mereka turut disokong secara substantif oleh hujah ulama tafsir yang muktabar. Ini menunjukkan bahawa mereka biasanya merujuk kepada ahli tafsir yang terdahulu dalam memberikan tafsiran untuk mengelakkan kekhilafan dalam pemahaman dan interpretasi al-Qur'ān.

5.5.1 Tafsir Dengan Riwayat Melalui Hadis Rasulullah S.A.W

Dalam tafsiran ayat ketujuh daripada surah al-Fatihah, Abdul Halim dan rakan-rakannya membawakan hadis Nabi s.a.w bagi menjelaskan makna frasa “*al-maghḍūbi 'alayhim*” dan “*al-dāllīn*” dalam ayat:

Maksudnya: “Bukan daripada kalangan mereka yang telah Engkau murkai, dan bukan daripada kalangan mereka yang sesat” (Al-Fatihah 1: 7).

Hadis ini diriwayatkan oleh Ibn Hibban (Ibn Hibban, jil.16, hal.184, no. 7206) dan dinukil daripada kitab *al-Futūhāt al-Ilāhiyyah* oleh Sulaymān al-Jamal. Beliau menulis: “Dan Nabi s.a.w bersabda yang bermaksud sesungguhnya mereka yang telah mendapat kemurkaan Allah adalah orang-orang Yahudi dan mereka yang telah tersesat adalah orang-orang Kristian.” Diriwayatkan oleh Ibn Hibbān dan dinilai sebagai sahih (Abdul Halim Hasan *et al.* 1952).

5.5.2 Tafsir Dengan Riwayat Melalui Pandangan Para Sahabat

Selain itu, Abdul Halim dan rakan-rakannya juga menjelaskan tentang hukum talak dengan mengemukakan *ijmā'* para sahabat r.a dan tabi'in r.a.h. Dalam hal ini, mereka mengambil riwayat daripada *Kitāb Asrār* oleh Abū Zayd al-Dibashshī: “Sesungguhnya, ini adalah perkataan ‘Umar, ‘Uthmān, ‘Alī, ‘Abdullah ibn Mas‘ūd, ‘Abdullah ibn ‘Abbās, ‘Abdullah ibn ‘Umar, ‘Imrān bin Husain, Abū Mūsā al-Ash‘arī, Abu Dardā’, Hudhayfah dan perkataan para sahabat r.a yang masyhur dan mereka semua sepakat bahawa talak dengan sekali lafaz adalah diharamkan (*haram*)” (Abdul Halim Hasan *et al.* 1952).

5.5.3 Tafsir Dengan Riwayat Melalui Pandangan Tabi'in

Contoh rujukan Abdul Halim dan rakan-rakannya dalam meriwayatkan hadis riwayat tabi'in ditulis dalam tafsiran ayat 186 dalam surah al-Baqarah.

Maksudnya: “Apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu tentang Aku, maka (katakanlah kepada mereka bahawa) Aku adalah hampir. Aku berkenankan permohonannya ketika dia berdoa kepada-Ku. Maka hendaklah mereka menyahut seruan-Ku (dengan mematuhi perintah-Ku), dan beriman kepada-Ku, supaya mereka mendapat petunjuk” (Al-Baqarah 2: 186).

Dalam mentafsirkan ayat ini, Abdul Halim dan rakan-rakannya (1952) menulis: “Menurut Qatadah, para Sahabat sering bertanya kepada Nabi s.a.w: Bagaimana kami berdoa kepada Tuhan?” Kemudian, ayat ini diturunkan (Abdul Halim Hasan *et al.* 1952).

5.6 Manhaj Tematik

Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm menggunakan kedua-dua kaedah, iaitu tematik (*maudū'ī*) dan analitik dalam tafsirnya. Pendekatan tafsir tematik menerapkan perbincangan yang bersifat topikal. Apabila suatu isu perlu dibincangkan, satu tajuk yang merangkumi topik tentang isu tersebut akan dikemukakan dan diperincikan dengan teliti. Penerapan manhaj tematik dalam tafsir ini sangat jelas terutamanya apabila membincangkan topik atau isu tertentu. Lazimnya, suatu isu yang terdapat dalam ayat dibincangkan di bawah satu tajuk dengan takrif dan maksud ungkapan yang berkaitan jika keadaan memerlukan. Kemudian, penjelasannya akan melibatkan dalil dan hujah aqliah serta riwayat yang dinukil (*ma'qūl* dan *manqūl*). Dalam penghujahan aqliah, pandangan dan pemikiran lain yang berkaitan akan diketengahkan dan ini memerlukan hujah para ulama daripada pelbagai bidang keilmuan seperti mufasir, mutakalim (teologis), faqih, saintis, ahli bahasa dan sufi bergantung kepada isu yang diketengahkan.

Tema-tema yang dibincangkan dalam tafsir adalah seperti syafaat, taklid, sihir, haji, riba, Bani Israel dan sebagainya. Sebagai contoh, isu tentang syafaat didiskusikan dengan panjang lebar. Pertama, menerangkan maksud, iaitu dengan mengiaskan perumpamaan hubungan antara matahari dan alam, sama dengan hubungan antara Nabi s.a.w dengan umat. Abdul Halim dan rakan-rakannya menulis: “Ketahuilah Allah menunjukkan kepadamu, bahawa Nabi s.a.w adalah seperti matahari yang bersinar sebagaimana firman Allah dalam al-Qur’ān: Maksudnya: “Dan sebagai seorang yang menyeru manusia kepada Allah dengan izin-Nya, dan sebagai cahaya yang memancar” (Al-Ahzab 33: 46) (Abdul Halim Hasan *et al.* 1952).

Abdul Halim dan rakan-rakannya menerangkan bahawa: “Matahari memancar ke atas setiap benda seperti laut, bukit, hutan, lembah, tanaman, pohon serta menjadikannya kering, bumi yang gersang dan tanah yang subur. Semuanya mengambil manfaat daripada matahari menurut kemampuannya dalam menerima tenaga. Ini adalah perumpamaan yang saya maksudkan untuk membandingkan kedudukan Nabi s.a.w dengan manusia biasa. Para rasul adalah perantara untuk mengajar manusia dan jawapan mereka berbeza dalam menerima risalah Allah s.w.t sebagaimana perbezaan manusia dalam mengikuti para rasul dan kesediaan menerima ajarannya. Manusia bertanggungjawab ke atas perbuatan mereka di mana pertanyaan adalah berdasarkan kepada ajaran yang dibawa oleh para rasul a.s.” (Abdul Halim Hasan *et al.*, 1952).

Mereka kemudiannya menjelaskan bahawa ayat 69 dari surah al-Zumar disertakan untuk membuktikan hubungan antara manusia dan rasul-rasul mereka serta nasib mereka di akhirat; “Dan bumi akan menyinar terang dengan cahaya Tuhannya. Dan akan diberikan kitab catatan amal (untuk dibicarakan); dan akan dibawa Nabi-nabi serta semua saksi, dan akan dihakimi di antara mereka semua dengan adil. Dan mereka tidak akan dizalimi” (Al-Zumar 39: 69)

Mereka juga menyentuh tentang hadis yang menunjukkan tentang perbezaan jawapan manusia kepada ajaran Nabi s.a.w: Diriwayatkan oleh Abu Musa al-Ash’ari: Nabi s.a.w bersabda: “Perumpamaan antara petunjuk dan ilmu yang mana Allah mengutusku aku dengannya adalah seperti hujan lebat yang menimpa bumi. Sebahagiannya adalah tanah yang subur yang menyerap air hujan, menumbuhkan tanaman dan rumput yang menghijau. Sebahagian lainnya adalah keras dan menahan air hujan. Allah memberi manfaat kepada manusia dengan air hujan dan mereka menggunakannya sebagai minuman, memberi minum kepada ternakan mereka dan menyirami tanah untuk bercucuk tanam. Manakala, sebahagian yang lain pula ialah tanah yang tandus yang tidak dapat menahan air atau menumbuhkan tanaman. Yang pertama adalah contoh orang yang memahami agama Allah dan mendapat manfaat (daripada ilmu) yang Allah telah turunkan melalui Nabi s.a.w dan mempelajari kemudian mengajar yang lain. Bandingan yang terakhir adalah orang yang tidak mempedulikannya dan tidak mengambil petunjuk Allah yang diturunkan melalui (dia adalah seperti tanah yang tandus itu)” (Al-Bukhārī jil.1, h.27, no.79; Al-Nasa’ī, *Kubrā* jil.5, h.359, no.5812).

Konklusinya, Abdul Halim dan rakan-rakan menerapkan manhaj tafsir tematik dalam perbincangan tentang tajuk tertentu yang mereka fikirkan perlu kepada penjelasan lanjut. Tajuk-tajuk ini berkait dengan disiplin dan bidang yang berbeza. Contohnya, isu perundangan dibincangkan menggunakan pendekatan ini. Dalam hal ini, pentafsir lazimnya merujuk kepada kitab-kitab tafsir kontemporari bagi mengupas isu tersebut. Bagaimanapun, karya-karya tafsir klasik juga dirujuk bagi tafsiran perkataan, penyelesaian konflik, perbezaan

hukum, dan penetapan sebab penurunan ayat (*asbāb al-nuzūl*). Dalam menerapkan tafsir tematik, Abdul Halim dan rakan-rakannya mengikut manhaj yang tepat dengan merujuk kepada mufasir lain terutamanya yang muktabar dan tidak hanya bergantung kepada pandangan mereka sendiri sahaja. Manhaj tafsir yang tuntas juga dapat dilihat dalam usaha mereka ketika menggabungkan sumber daripada dalil naqli, aqli dan hujah yang logik.

5.7 Makkī dan Madanī

Pada bahagian pengenalan bagi setiap surah, maklumat berkenaan tempat penurunan ayat dibincangkan dengan jelas dan mudah. Penulis menyatakan tempat turun ayat sama ada ianya *Makkī* atau *Madanī* sejeurus selepas nama surah disebut.

Contohnya:

1. Surah al-Baqarah, (Lembu Betina), diturunkan di Madinah mengandungi 286 ayat (Abdul Halim Hasan *et al.* 1952).
2. Surah Ālī ‘Imrān, (Keluarga ‘Imrān), diturunkan di Madinah, mengandungi 200 ayat mengikut pendapat utama (*qawl*) (Abdul Halim Hasan *et al.* 1952).

Boleh disimpulkan bahawa Abdul Halim dan rakan-rakannya merujuk kepada kitab *al-Jawāhir fī Tafsīr al-Qur’ān* oleh Ṭanṭāwī dalam huraian surah yang diturunkan di Makkah atau di Madinah pada pembukaan setiap ulasan surah. Ini kerana terdapat persamaan maklumat dan gaya penulisan oleh kedua-duanya iaitu Abdul Halim dan Ṭanṭāwī.

5.8 Asbab al-Nuzul dalam *Tafsīr al-Qur’ān al-Karīm*

Penjelasan mengenai *asbāb al-nuzūl* dibuat apabila suatu ayat yang dibincangkan mempunyai kaitan dengan punca atau sebab turun wahyu. Abdul Halim dan rakan-rakannya menerangkan secara terperinci *asbāb al-nuzūl* yang menunjukkan riwayat dan perawi mengikut keperluan.

Contohnya, dalam isu Perang Uhud ketika Nabi s.a.w tercedera di wajahnya sehingga menyebabkan salah satu giginya patah, para sahabat melaknat orang-orang yang telah menyebabkan berlakunya hal ini kepada Nabi s.a.w. Disebabkan peristiwa ini, Allah s.w.t menurunkan ayat kepada Nabi s.a.w sebagai respon kepada reaksi para sahabat r.a. Dalam hal ini, Abdul Halim dan rakan-rakannya memetik riwayat daripada Suyūṭī dalam kitabnya *Lubāb al-Nuqūl*: “Diriwayatkan oleh Bukhari daripada Abu Hurairah, serta oleh Aḥmad dan Muslim daripada Ānas: “Sesungguhnya satu gigi Nabi s.a.w patah ketika dalam perang Uhud dan mukanya cedera sehingga berdarah. Nabi s.a.w berkata: Bagaimana orang-orang yang melakukan semua ini kepada Nabi s.a.w akan menang sedangkan dia menyeru mereka kepada Tuhan mereka. Maka Allah s.w.t menurunkan ayat: “Engkau tidak mempunyai kuasa (wahai Muhammad) dalam urusan (orang-orang yang ingkar) itu, melainkan Allah menerima taubat mereka atau mengazab mereka, kerana sesungguhnya mereka itu adalah orang-orang yang zalim” (Ali Imran, 3: 128) (Abdul Halim Hasan *et al.* 1952).

Contoh lain ialah daripada surah al-Baqarah ayat 256 iaitu “Tidak ada paksaan dalam agama.” Abdul Halim dan rakan-rakannya menulis bahawa terdapat tujuan ayat ini dibincangkan kerana mengikut riwayat yang lain: “Abu Dawud, Nasa’i, Ibn Hibban dan Ibn Jarir daripada Ibn Abbas berkata: “Apabila kanak-kanak perempuan (semasa zaman pra-Islam) tidak dapat terus hidup, ibunya akan bernazar pada dirinya bahawa jika kanak-kanak itu hidup, dia akan menukar anak itu menjadi seorang Yahudi. Apabila Bani Nadir diusir

keluar dari Tanah Arab, terdapat beberapa kanak-kanak daripada golongan Ansar dalam kalangan mereka yang berkata: Kami tidak akan meninggalkan anak-anak kami. Maka Allah menurunkan ayat “Tidak ada paksaan dalam agama. Sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) daripada kesesatan (kufur)” (Abdul Halim Hasan *et al.* 1952).

Abdul Halim dan rakan-rakannya menambah, selain daripada riwayat di atas, Ibn Jarir juga telah meriwayatkan dari jalan Said atau Ikrimah daripada Ibnu Abbas, beliau berkata: “Ayat ini diturunkan kepada seorang Ansar daripada kaum Bani Salim bin Auf yang dipanggil al-Husayn. Beliau mempunyai dua orang anak lelaki beragama Kristian sedangkan beliau adalah seorang Muslim. Oleh itu, beliau berkata kepada Nabi s.a.w: “Bolehkah saya memaksa mereka kerana mereka hanya mahukan agama Kristian?” Disebabkan itu, ayat ini diturunkan (Abdul Halim Hasan *et al.* 1952).

Kesimpulannya, penjelasan mengenai sebab diturunkan ayat (*asbāb al-nuzūl*) ditulis dengan merujuk kepada Ibn Jarir al-Tabari dan *Lubāb al-Nuqūl* oleh al-Suyuti. Walau bagaimanapun, terdapat juga kes di mana Abdul Halim merujuk kepada Abduh seperti dalam contoh yang ditunjukkan sebelumnya. Lazimnya, Abdul Halim akan memasukkan rantaian periwayatan (*sanad*) bagi *asbāb al-nuzūl* sebelum mengulas sebab ia diturunkan. Terdapat juga keadaan di mana hanya perawi utama sahaja dinyatakan. Dalam isu sumber, Abdul Halim dan rakan-rakannya akan menyatakan sumber rujukan bagi *asbāb al-nuzūl* terutama apabila mereka mengambil daripada al-Suyūṭī dan al-Ṭabarī. Namun, terdapat juga kes pentafsir yang mana mereka tidak menyebut rujukan mereka sama sekali.

5.9 Penjelasan Ayat Hukum dalam *Tafsīr al-Qur’ān al-Karīm*

Abdul Halim dan rakan-rakan sentiasa berusaha memberikan pemahaman yang baik kepada pembaca mengenai isu-isu yang berkaitan dengan hukum Islam yang terdapat dalam ayat-ayat al-Qur’ān. Mereka mengulas mengenai isu undang-undang dengan mengemukakan ayat dan maknanya diikuti terma dan kalimah yang sukar. Sebagai contoh, ketika isu undang-undang memerlukan perbincangan yang teliti dan panjang lebar, Abdul Halim dan rakan-rakannya membincangkan keseluruhan idea dalam hanya beberapa helai muka surat. Walau bagaimanapun, dalam kes yang memerlukan banyak maklumat, maka perbincangan boleh melebihi sehingga puluhan muka surat seperti hukum larangan minuman beralkohol (Abdul Halim Hasan *et al.* 1952).

Ada ketika Abdul Halim dan rakan-rakannya menggunakan idea al-Razi ketika mengumpul dan membincangkan ayat-ayat hukum dalam surah al-Baqarah. Dalam hal ini, mereka mengeluarkan enam belas hukum yang terdapat dalam ayat 172-242 daripada surah al-Baqarah. Mereka menulis, “Menurut Imam Fakhr al-Din al-Razi, terdapat enam belas hukum yang dijelaskan oleh Allah s.w.t daripada ayat 172 hingga ayat 242” (Abdul Halim Hasan *et al.* 1952). Perbincangan mengenai hukum-hukum ini menjangkau bemula dari Bab 16 hingga ke Bab 17 di dalam kitab *Tafsīr al-Qur’ān al-Karīm*.

Contoh lain mengenai ayat-ayat hukum adalah dalam tafsiran ayat 226 daripada surah al-Baqarah. Ayat ini menerangkan tentang isu ‘ila’ atau nazar yang dibuat oleh seorang suami untuk menahan diri daripada melakukan hubungan seksual dengan isterinya. Allah berfirman: “Mereka berjanji untuk menahan diri daripada isteri-isteri dalam tempoh empat bulan masa menunggu. Oleh itu, jika mereka kembali semula, maka Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani. Dan jika mereka berazam untuk perceraian, maka Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.” (Al-Baqarah, 2:226-227).

Abdul Halim dan rakan-rakannya menulis, “10 hukum Berkaitan dengan 'ilā'.” ‘ilā’ artinya lelaki yang telah bersumpah untuk tidak melakukan hubungan seks dengan isterinya. Terdapat beberapa pendapat mengenai tempoh ‘ilā’ iaitu (Abdul Halim Hasan *et al.* 1952):

Menurut penjelasan Ibnu 'Abbas, ialah apabila seorang lelaki berjanji untuk tidak bersetubuh dengan isterinya selama-lamanya.

Hasan al-Basri dan Ishaq berkata, ialah apabila beliau berjanji untuk menahan diri bagi tempoh satu hari.

Abu Hanifah dan Thawri berkata, dalam tempoh empat bulan atau lebih.

Syafi'e, Ahmad dan Malik berkata, ialah apabila lebih daripada empat bulan.

Abdul Halim dan rakan-rakannya menerangkan; 'ilā' semasa jahiliyah adalah seperti perceraian (talak). Sa'id bin Musayyab berkata: “Apabila seorang lelaki tidak lagi menyukai isterinya dan tidak mahu lelaki lain mengahwini isterinya selepas itu, maka dia akan bersumpah untuk tidak mendekati isterinya. Jadi, wanita itu ditinggalkan ‘tergantung’ iaitu tanpa suami namun tidak pula dipanggil balu. Niat sebenar suami itu adalah untuk menyakiti dan membebaskan isteri. Oleh itu, Islam datang dan berjuang menentang kekejaman ini.” Dalam Islam, suami diberikan tempoh empat bulan yang mana pada akhir tempoh ini beliau akan membuat keputusan antara dua; menurut ayat 226, dia melanggar nazar dan bersatu dengan isterinya dan inilah yang dimaksudkan dengan “*fa`in fa`ū*”, jadi mereka akan kembali semula”, dan jika dia menolak, maka dia boleh menceraikannya seperti yang dinyatakan dalam ayat 227 (Abdul Halim Hasan *et al.* 1952).

Mereka kemudiannya membezakan pendapat antara ulama-ulama fiqh dan menjelaskan bahawa dalam hal ini, Syafi'e tidak bersetuju dengan Hanafi. Menurut Syafi'e, empat bulan adalah hak suami dan apabila dia melebihi tempoh, isteri boleh memohon perceraian. Sekiranya suami menolak kedua-dua pilihan, maka dia boleh mengadu kepada hakim dan memohon perceraian. Walau bagaimanapun, menurut Hanafi, apabila tempoh empat bulan berakhir, perceraian akan berlaku serta-merta tanpa perlu mengadu perkara itu kepada hakim (Abdul Halim Hasan *et al.* 1952).

Abdul Halim dan rakan-rakan juga menukil pendapat Maliki dalam diskusi hukum ini dan mereka menerangkan bahawa menurut Ibn Mundhir, ulama telah bersepakat (*ijmā'*) bahawa makna “*fa`ū*” adalah jamak bagi mereka yang tidak mempunyai halangan (uzur). Sekiranya tempoh itu tamat dan dia berhadapan dengan halangan-halangan seperti sakit atau penjara, wanita itu kekal sebagai isterinya. Menurut Malik pula, apabila halangan ini sudah tiada dan dia masih enggan, maka mereka akan bercerai ketika tamat tempoh. Manakala Nakha'i, Hasan, Awza'i dan Ahmad bin Hanbal menjelaskan ia adalah cukup untuk beliau mengucapkan dalam hati untuk kembali kepada isterinya sekiranya terdapat apa-apa halangan (uzur). Di samping itu, bagi mereka yang melanggar sumpah, mereka perlu membayar denda penebus (*kifārah*), berbeza dengan Hasan dan Nakha'i yang berpendapat tidak perlu membayar apa-apa” (Abdul Halim Hasan *et al.* 1952).

Kesimpulannya, ulasan pada ayat-ayat hukum dibuat dalam tafsiran analisis dan tematik. Tafsiran analisis adalah di mana pentafsir mentafsir, menerangkan dan membincangkan keputusan serta mengambil kira perbezaan pendapat antara dia dan ulama

fiqh serta ulama tafsir. Manakala, tafsiran tematik ialah berkaitan dengan isu-isu besar yang menjadi perhatian ahli tafsir. Mungkin atas dasar kepentingannya kepada masyarakat Islam pada masa itu. Isu yang dibincangkan mengikut tema termasuklah riba, perceraian dan makanan. Sementara itu, isu seperti *Ila'*, hutang (*dayn*), rujuk (*ruj'ah*), penyusuan (*rada'ah*), nafkah (*nafaqah*) dan sebagainya banyak ditafsirkan menggunakan tafsiran analisis.

Dalam perbezaan pendapat dalam kalangan para ulama serta ahli fiqh dan usul, Abdul Halim dan rakan-rakannya tidak menunjukkan kecenderungan kepada pandangan tertentu. Mereka mempunyai pendirian yang jelas dan hanya menyampaikan ajaran al-Qur'an secara adil apabila berlaku perbezaan pendapat.

Abdul Halim dan rakan-rakannya juga merujuk kepada ahli tafsir lain dan ulama fiqh dan usul dalam menjelaskan ayat-ayat hukum dalam al-Qur'an. Mereka juga merujuk kepada buku-buku utama hadis mengenai hukum tertentu. Bagi buku-buku tafsir, mereka merujuk kepada 'Abduh, Tantawi, al-Baidawi, al-Khazin, al-Qurtubi dan al-Razi. Rujukan fiqh juga diambil daripada pelbagai mazhab yang berbeza seperti al-Nawawi, al-Ansari, al-Rafi'i, dan al-Subki yang berasal daripada mazhab Shafi'e. Selain itu, mereka juga merujuk Sulayman ibn Muhammad ibn Abd Wahhab dan Taqi al-Din Ibn Taimiyah yang berasal daripada mazhab Hanbali.

Sebagai kesimpulan kepada kajian metodologi, ianya jelas menunjukkan ketiga-tiga ahli tafsir ini membuat rujukan yang betul dalam penjelasan mengenai metodologi. Mereka lazimnya merujuk kepada al-Tabari, Suyuti dan 'Abduh dalam *al-Manar* dan Tantawi Jawhari dalam *al-Jawahir* dalam penghuraian mereka mengenai metodologi. Ini menunjukkan bahawa sumber-sumber rujukan mereka diambil daripada dua skop sumber; klasik dan kontemporari. Mereka juga menggunakan naratif dan penaakulan dalam kaedah tafsir mereka. Oleh itu, ia boleh diklasifikasikan sebagai tafsir yang membenarkan penaakulan (*Tafsir al-Ra'y al-Mahmud*).

Kajian ini juga menunjukkan bahawa mereka menggunakan kedua-dua kaedah, tematik dan analisis dalam tafsiran mereka terhadap ayat-ayat al-Qur'an dan penghuraian isu dalam tafsir ini. Ia merupakan sebuah tafsir kontemporari yang menggunakan tafsiran tematik dan analisis secara jelas. Akhir sekali, melihat kepada kajian yang dilakukan ke atas kaedah *Tafsir al-Qur'an al-Karim*, dapat disimpulkan bahawa Abdul Halim dan dua rakannya mempunyai pengetahuan tentang kaedah tafsir dan mereka melakukan tugas yang besar dalam memberi pemahaman kepada masyarakat berkenaan tafsir al-Qur'an.

6.0 Kesimpulan

Tafsir al-Qur'an al-Karim adalah karya tafsir moden yang ditulis oleh ulama Islam Melayu iaitu Abdul Halim Hasan, Zainal Arifin Abbas dan Abdul Rahim Haitami. Mereka menyeru kepada pembaharuan fahaman agama dan mempraktikkannya setelah zaman penjajahan. Penjajahan Belanda selama lebih tiga ratus tahun telah menyebabkan pembekuan pemikiran dan iktikad. Tafsir yang ditulis dalam Bahasa Melayu menekankan keperluan kepada pembaharuan dan kewujudan masyarakat Islam moden pada kurun kedua puluh. Secara amnya tafsir ini menghampiri *Tafsir al-Manar* oleh 'Abduh dari segi kaedah penulisan dan penyampaian. Ini disebabkan fahaman Islam reformis yang jelas dipertontonkan pada tafsir abad yang serupa. Fahaman reformis 'Abduh juga mempengaruhi penjelasan hukum dan akidah penulisan kitab *Tafsir al-Qur'an al-Karim* ini di mana contoh-contoh yang diketengahkan

diambil dari al-Manar. Kaedah yang digunakan juga jelas dan substantif dengan membawakan penjelasan-penjelasan atas isu-isu berkaitan hukum dan cara hidup semasa. Jelas *Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm* boleh dianggap sebagai antara tafsir moden reformis yang melakar perjalanan ke arah pembentukan fikrah baru umat Islam Kepulauan Melayu pada abad ke-20.

6.0 Rujukan

- Abdul Halim Hasan, Zainal Arifin Abbas & Abdul Rahim Haitami. (1938). *Tafsir al-Qur'an al-Karim*. Medan: Boekhandel Islamijah.
- Abdul Halim Hasan, Zainal Arifin Abbas, Abdul Rahim Haitami. (1952). *Tafsir al-Qur'an al-Karim, Ambilan Daripada: Tafsir al-Shaykh al-Tantawi al-Jawhari Muhammad 'Abduh, al-Tabari, al-Shawkani dan lain*. Penang: Persama Press.
- Abdul Halim Hasan, Zainal Arifin Abbas, Abdul Rahim Haitami. (1969). *Tafsir al Qur'anul Karim*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Al-Hamidy, Abdul Qadir Umar. (2006). *Tafsīr Al-Qur'ān al-Karīm li 'Abd al-Ḥalīm Ḥasan wa Ākharayn: Dirāsah Manhajiyyah wa Ta'rīban li al-Juz'i al-Awwal Minhu*. Ph.D. thesis, al-Azhar University.
- Al-Nawawī, Abū Zakariy Yahyā b. Sharaf. (1392). *Al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim ibn al-Ḥajjāj*. Bayrūt: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī.
- Azra, Azyumardi. (2004). *The Origins of Islamic Reformism in Southeast Asia: Networks of Malay-Indonesian and Middle Eastern 'Ulama' in the Seventeenth and Eighteenth Centuries*. Crows Nest, N.S.W.: Allen & Unwin.
- Dewan Harian Cabang Angkatan 45. *Al-Ustazd. Abdul Rahim Haitami, Wakil Ketua Majelis Islam Tinggi (MIT) Binjai, Pelaku Sejarah Pengibar Bendera Merah Putih Pertama di Tanggal 6 September 1945*. Kotamadya, Binjai: Badan Penggerak Pembina Potensi Angkatan 45.
- Dewan Harian Cabang Angkatan 45. *Al-Ustazd. H. Zainal Arifin 'Abbas Wakil Ketua Majelis Islam Tinggi (MIT) Binjai, Pelaku Sejarah Pengibar Bendera Merah Putih Pertama di Binjai*. Kotamadya, Binjai: Badan Penggerak Pembina Potensi Angkatan 45.
- Federspiel, Howard M. (1994). *Popular Indonesian Literature of the Qur'an*. Ithaca, N.Y.: Cornell Modern Indonesia Project, Southeast Asia Program, Cornell University.
- Hamka. (1961). *Pengaruh Muhammad 'Abduh di Indonesia*. Jakarta: Tintamas.
- Hamka. (1982). *Tafsir al-Azhar*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Jawhari, Tantawi. (1923). *Al-Jawāhir fī Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm*. Egypt: Mustafā al-Bābī al-Ḥalabī.
- Majelis Ulama Sumatera Utara. (1983). *Sejarah Ulama-ulama Terkemuka di Sumatera Utara*. Sumatera: Institut Agama Islam Negeri Al Jamiah.

- Mhd. Asaad Zainal Arifin Abbas. (2011). "Riwayat Hidup Almarhum H. Zainal Arifin 'Abbas" In H.M. Hasballah Thaib (Eds.), *Memorium bersama Alm, Zainal Arifin Abbas*. Medan: Perdana Publishing.
- Muhammad Nur Lubis. (2002). *Data-Data Terbitan Awal Penterjemahan dan Pentafsiran Al-Qur'ān di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Nadzrah Ahmad. (2014). *Methodology and Issues within Tafṣīr al-Qur'ān al-Karīm by Abdul Halim Hasan et al*. Ph.D diss., International Islamic University Malaysia.
- Rida, Rashid. (1947). *Tafṣīr al-Manār*. Kaherah: Al-Hay'at al-Misriyyah al-'Āmmah lī al-Kitāb.
- Zainal Arifin Abbas. (1969). *Tafṣīr al-Qur'ān al-Karīm*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.